



## Siaran Akhbar

### NOTIS BERKENAAN DENGAN PENGENDALI PLATFORM PENDANAAN EKUITI RAMAI

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) baru-baru ini telah mengeluarkan Notis berkenaan dengan Pengendali Platform Pendanaan Ekuiti Ramai atau *Equity Crowdfunding* (ECF) di bawah Bab 239(1) *Securities Markets Order, 2013*. Notis ini memperkenalkan beberapa keperluan tambahan baru bagi mana-mana pemohon yang ingin mengendalikan platform ECF di Negara Brunei Darussalam. Notis tersebut telah mula berkuatkuasa pada Hari Jumaat, 18 Zulkaedah 1438 bersamaan dengan 11 Ogos 2017.
2. Di bawah rangka kerja ini, pemohon mesti mendapatkan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal atau *Capital Markets Services Licence*, yang membolehkan pemohon untuk mengurus niaga dan menguruskan urus niaga berkaitan dengan pelaburan, dan memberi nasihat pelaburan (*dealing and arranging deals in investments and investment advice*), yang mana termasuk dalam aktiviti-aktiviti yang dikawal oleh AMBD. Notis tersebut juga menetapkan tanggungjawab lembaga pengarah, ketua eksekutif atau mana-mana individu dalam pengendalian platform ECF secara berterusan.
3. Di samping itu, syarikat yang layak adalah dibolehkan untuk menjana modal sehingga BND 500,000 dalam tempoh 12 bulan. Syarikat yang layak akan dikenakan beberapa keperluan penzahiran atau *disclosure requirements* oleh pengendali platform ECF. Syarikat tersebut juga akan dapat menjana modal melalui pelabur sofistikated dan runcit (*sophisticated and retail investors*), tertakluk kepada had pelaburan seperti yang ditetapkan di dalam Notis berkenaan.
4. Notis ini diharap akan dapat meningkatkan lagi pertumbuhan dan perkembangan sektor pasaran modal, terutamanya dalam industri ECF Negara Brunei Darussalam, dan menyediakan sumber pembiayaan alternatif kepada perniagaan *start-up* dan kecil untuk menjana modal. Inisiatif ini adalah selaras dengan *Financial Sector Blueprint (2016-2025)* Negara *Brunei Darussalam*, yang mana akan dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, ke arah mencapai Wawasan 2035.

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Date: 30 Zulkaedah 1438H/ 22 Ogos 2017M

Ref: AMBD/COMMS/3